

05/09/1997

Tiba masa politik Sabah rintis jalan baru

Lichong Angkui

HARI ini ratusan pemimpin Umno dari Sabah, sama ada bertaraf perwakilan atau pemerhati, sekali lagi berkampung di Kuala Lumpur untuk menghadiri Perhimpunan Agung Umno 1997 yang dirasmikan Perdana Menteri merangkap Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mereka adalah sebahagian daripada 1,905 perwakilan dari 165 bahagian Umno seluruh negara. Setiap bahagian menghantar 10 perwakilan selain mereka yang menduduki kerusi Majlis Tertinggi (MT). Bermakna pada perhimpunan ini, Sabah menghantar 223 perwakilan, iaitu 220 perwakilan daripada 20 bahagian dari seluruh negeri dan tiga pemimpin yang menduduki MT.

Sabah mula menyertai perhimpunan bersejarah itu sebagai pemerhati pada 1991 selepas Umno mengembangkan sayap ke negeri itu pada tahun sebelumnya berikutan teretusnya politik kontroversi tikam belakang pada pilihan raya negeri waktu itu. Bermula di situlah pemimpin Sabah dalam gagasan Barisan Nasional (BN) memasuki persada politik nasional. Maka terbinalah jambatan integrasi politik menyeberangi Laut China Selatan dari Kota Kinabalu ke Kuala Lumpur.

Kini selepas enam tahun bertapak di Sabah, pemimpin Umno yang menghadiri perhimpunan kali ini memikul tanggungjawab dan amanat lebih besar. Cabaran kali ini dianggap lebih getir lagi kritikal. Ini kerana mereka sebenarnya boleh menentukan corak dan halatuju perjuangan parti.

Dengan kekuatan lebih besar, memiliki 20 bahagian, 4,716 cawangan serta keahlian 352,501 orang, pemimpin Umno Sabah bukan sekadar harus menyumbang dalam pengisian wadah perjuangan, tetapi lebih penting memikul tanggungjawab merealisasikan agenda parti mengharungi cabaran alaf baru nanti.

Mengakui hakikat ini, maka perwakilan Umno Sabah harus memanfaatkan perhimpunan kali ini dengan sebaik-baiknya. Perjalanan ke Kuala Lumpur ini janganlah dianggap sebagai percutian atau sekadar untuk melancong, membeli-belah atau melepak di coffee-house. Ia harus dianggap sebagai misi negara.

Justeru perwakilan janganlah sekadar hadir pada waktu perasmian, kemudian hilang selepas itu. Selain amanat Presiden, perwakilan harus mengikuti perbahasan terhadap semua usul yang dibentangkan. Perwakilan Sabah harus berbangga kerana diberi kepercayaan bertindak sebagai penyokong kepada usul ekonomi yang dibentangkan oleh perwakilan dari Pahang.

Ini penting kerana hasilnya nanti, terutama perbahasan terhadap usul ucapan dasar Presiden akan menjadi rumusan penting yang akhirnya menjadi natijah dan intipati asas perjuangan parti. Dengan mengikuti semua sesi sepanjang perhimpunan itu, perwakilan Sabah sebagai keluarga baru dalam Umno dapat menghayati dan menyelami prinsip perjuangan sebenar.

Kefahaman terhadap sejarah perjuangan Umno sangat penting bagi menentukan kita tidak tersasar daripada landasan asal. Hakikat inilah juga yang sering diperingatkan oleh Dr Mahathir kepada semua ahli parti. Ini mungkin dibuat kerana akhir-akhir ini seolah-olah ada kecenderungan memeralatkan parti oleh segelintir orang untuk kepentingan diri. Justeru, kita harus bertanya apakah yang telah kita sumbangkan kepada parti. Jangan ditanya apakah yang boleh diberi oleh parti kepada kita!

Bagi perwakilan dari Sabah, perhimpunan Umno ini harus dianggap sebagai kesinambungan kepada konvensyen Umno Sabah yang dianjurkan di Kota

Kinabalu kira-kira lewat dua minggu lalu. Maknanya, perhimpunan ini harus menjadi platform menjiwai falsafah perjuangan Umno selaras tema konvensyen, iaitu "Ke arah penghayatan budaya Umno" dalam perspektif lebih jitu.

Ketika berucap merasmikan konvensyen itu pun, Dr Mahathir banyak memperkatakan mengenai falsafah perjuangan Umno yang mengutamakan kepentingan negara, bangsa dan agama, sambil meminta pimpinan parti di semua peringkat supaya menghayatinya. Inilah yang menjadi teras perjuangan.

Seperti ditegaskan Perdana Menteri, mereka yang berpura-pura menyertai perjuangan parti semata-mata mengharapkan ganjaran tidak ada tempat dalam Umno. Justeru mereka yang cuba memeralatkan Umno bagi kepentingan peribadi harus ditolak demi survival negara bangsa dan agama.

Menjurus kepada tujuan itulah maka kini kerajaan komited menghapuskan rasuah, politik wang dan penyalahgunaan kuasa kerana ia bukan budaya Umno. Secara am, definisi budaya Umno mementingkan kemuliaan yang meletakkan kepentingan negara bangsa dan agama mengatasi segala-galanya.

Sekali lagi bagi perwakilan Umno Sabah, perhimpunan agung ini harus menjadi wadah tertinggi untuk menyelami falsafah dan budaya perjuangan. Di bahu setiap perwakilan ada tanggungjawab besar - membawa gelombang perubahan untuk Sabah, terutama dari segi politik selain pembangunan prasarana dan ekonomi. Matlamat ini hanya boleh dicapai apabila wujud keperkasaan pimpinan mengangkat maruah dan martabat bangsa, bukan setakat di negara ini, tetapi sampai ke khalayak antarabangsa seperti ditunjukkan Dr Mahathir.

(END)